

# Rakyat pergunakan lebih banyak bahan bacaan—Musa

Bahan asal dari Kitab Negara Malaysia



ADIK Mastura dan Aida sedang asyik membaca di salah sebuah gerai di Pesta Buku Malaysia

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Rakyat Malaysia perlu didekahkan dengan pengetahuan di bidang industri dan perdagangan, kerana negara sedang melangkah untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang gagah, kata Datuk Musa Hitam hari ini.

Langkah ini, kata Pemangku Perdana Menteri, amat perlu untuk membantu negara membina sebuah masyarakat perdagangan yang dinamis dan mengetahui selok-belok tentang teknologi moden.

Bellau berkata, banyak perkara yang perlu diketahui seperti jenis barang moden yang harus dikilangkan dan cara-cara bagi mengilangkan barang-barang tradisional, selain mendedahkan peluang-peluang dan masa depan bidang industri.


Tidak syak lagi buku-buku boleh membantu menyebarkan pengetahuan yang lebih luas mengenai teknologi moden, katanya ketika merasmikan Pesta Buku Malaysia 1983 di Universiti Malaya di sini.

## Runcit

Pesta buku anjuran Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia (MKKB) akan menjulang dan mempromosikan lebih 200,000 naskah buku selama sepuluh hari.

Datuk Musa berkata, banyak lagi bidang yang belum diterokai secara meluas untuk bacaan rakyat, khususnya generasi muda.

Antaranya, buku untuk



memajukan fikiran masyarakat dan memperkenankan bidang kerjaya, selain buku untuk pengajian tinggi.

Menurut bellau, buku-buku yang penting bagi pembangunan bangsa yang dinamis dan maju ialah buku-buku pembacaan umum yang meliputi serba-serbi kegiatan manusia di bidang ekonomi.

"Ini termasuk bidang pengurusan niaga dari perniagaan runcit kepada borong, pengendalian satu rangkaian kedai-kedai besar kepada selok-belok import eksport dan perdagangan antara-bangsa," jelasnya.

Selain itu, kata bellau, bidang yang harus didekahkan ialah pengeta-

huan tentang urusan jual beli saham dan barangan untuk membina masyarakat perdagangan yang dinamis.

Datuk Musa berkata, penekanan harus diberi kepada penulisan atau terjemahan novel-novel yang boleh membuka mata rakyat kepada selok-belok kehidupan pelbagai manusia moden di bidang ekonomi.

"Saya tidak bermaksud untuk mengecilkan buku-buku lain seperti agama yang juga penting," jelasnya.

## Terkejut

Menurut bellau, jumlah pengeluaran buku dalam bahasa Malaysia meningkat menjadi 8,325 tajuk antara tahun 1967 hingga 1980. "Secara purata kira-kira 600 tajuk diterbitkan dalam setahun," jelasnya.

Jumlah ini, kata bellau, tidak menggalakkan, kerana banyak negara maju, jumlah penerbitan mereka dalam setahun melebihi 100,000 tajuk.

Katanya, berdasarkan kajian, penduduk Malaysia yang kini seramai 13.4 juta memerlukan 1,350 tajuk setahun. "Ini menunjukkan pengeluaran buku setakat ini tidak mencukupi," tegas bellau lagi.

Pemangku Perdana Menteri juga terkejut dengan laporan yang menyatakan lebih tinggi kelulusan seseorang rakyat Malaysia, lebih sedikit buku yang dibacanya.

"Ada juga yang menyebut rakyat Melayu secara purata hanya membaca semuka buku setahun," katanya.

Datuk Musa kemudian menyeru pihak-pihak tertentu mengadakan kempen yang lebih berkesan untuk menyemai tabiat membaca, terutama kepada orang dewasa.



KESEKAPAN pengunjung memilih buku yang dipamerkan oleh Pekim

**Sambutan di luar dugaan terhadap Pesta Buku Malaysia 83**

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pesta Buku